

AGAMA ITU NASIHAT

Puasa Kerana Malu

Sekarang telah masuk bulan Ramadan, bulan puasa, bulan yang sangat dinanti-nantikan kedatangannya oleh orang-orang yang taat dan berbakti kepada Allah, kerana di dalam puasa itu banyak mengandungi didikan dan pelajaran yang tinggi dan suci untuk kebaikan diri seseorang dan untuk kesejahteraan masyarakat. Di antaranya iaitu supaya kita berlaku dan berkata benar, dan memang puasa hanya dapat dikerjakan oleh orang-orang yang benar dan suka benar. Orang yang curang dan pendusta, berat melakukan puasa itu. Demikian kata seorang mubaligh Islam, beliau berkata lagi:

Orang-orang Islam dalam menghadapi puasa itu terbahagi kepada beberapa golongan. Golongan pertama, berpuasa kerana iman dan taat kepada Allah. Dalam berpuasa itu dijaga dengan bersungguh-sungguh akan segala yang membatalkan puasanya, dan yang merosak dan menghilangkan pahalanya. Golongan inilah yang betul-betul malu kepada Allah, kerana Allah *'azza wa jalla* telah banyak melimpahkan kepada mereka nikmat-Nya yang tidak terhitung. Sebab itu, di hadapan mata manusia atau di tempat yang tidak dilihat oleh manusia, tetap mereka taat menjalankan puasanya. Golongan inilah yang betul-betul menjalankan rukun ihsan, sendi kebaikan dengan sempurna, sebagaimana yang dinyatakan dalam sabda Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*:

An ta'buda Allāha ka'annaka tarāhu fā in lam takun tarāhu fā innahu Yarāka.

Ertinya: “Hendaklah engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat Dia. Maka jika pun engkau tidak melihat Dia, tetapi Ia melihat engkau.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Golongan kedua, mengerjakan puasa bukan kerana iman dan takut kepada Allah, tetapi kerana malu kepada orang yang disegani. Ia puasa di hadapan orang yang disegani, tetapi di belakangnya ia tidak puasa.

Golongan ini menipu dan mendustakan dirinya sendiri. Maka hasil puasanya pun, hanyalah napak¹ (bermuka-muka) dan riak. Firman Allah *subḥānahu wa ta'ālā* :

Yukhād'ūna Allāha wa alladhīna āmanū wa mā yakhdā'ūna illā anfusihim wa mā yash'urūn. (Surah al-Baqarah, ayat 9).

Ertinya: “Mereka menipu Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal tidaklah mereka menipu melainkan diri mereka sendiri dengan tidak sedar.”

Golongan ini tidak mengenal rukun ihsan dalam hidup mereka. Kerana itu, tidak ada ihsan yang dapat diharap dari perbuatan mereka. Golongan ini, amat marah kalau dikatakan merendahkan Islam, pada hal perbuatan mereka sudah menipu Allah pencipta Islam dan mengabui orang-orang Islam. Bahkan pada hakikatnya mereka telah menipu diri mereka sendiri.

Golongan ketiga, yang tidak berpuasa sama sekali, dengan ketiadaan uzur *shar'iy* yang dapat dijadikan alasan hanya kerana tidak ada iman dan tidak mempunyai perasaan malu kepada Allah dan juga kepada manusia.

Pada siang hari bulan puasa, di hadapan orang ramai, yang terdiri dari bermacam-macam golongan dan agama, mereka terus sahaja menunjukkan dan memperlihatkan

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya 'nampak'.

diri tidak puasa dengan gagahnya, seakan-akan waktu itu bukan bulan puasa. Kadang-kadang mereka lakukan yang demikian di hadapan orang-orang yang berpuasa. Pada hal sebahagian orang-orang kafir masih ada yang menghormati orang-orang Islam yang berpuasa. Orang-orang yang demikian sifatnya, yang sebegitu rendah perbuatannya, masih juga meminta supaya ditulis namanya sebagai orang Islam pada hal perbuatannya merosak dan merendahkan Islam dan kaum Muslimin.

Sungguh tepat sabda Nabī *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*:

Idhā lam tastaḥi faṣna ‘ mā shi ‘ta

Ertinya: “Apabila engkau tidak mempunyai malu,

maka perbuatlah apa yang engkau suka.” (Riwayat Ibn ‘Asākir).

Kita sudah mendengar adanya tiga golongan tadi:

Yang mempunyai malu kepada Allah dan kepada manusia yang tidak mempunyai malu kepada Allah, tetapi mempunyai malu kepada manusia. Dan yang tidak mempunyai malu sama sekali kepada Allah dan kepada manusia. Inilah golongan yang hina sekali dan rendah di sisi Allah *‘azza wa jalla*.

Mudah-mudahan Allah masukkan kita sekalian dalam

golongan yang pertama, iaitu golongan yang mempunyai malu kepada Allah dan kepada manusia dalam menjalankan ibadat puasa

Qāla Rasūlullah ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam:



Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda: “Berpuasalah kamu ketika melihatnya (anak bulan Ramadan), dan berbukalah kamu ketika melihatnya (anak bulan Syawal). Jika dia (anak bulan Ramadan) terlindung kepada kamu, maka sempurnakanlah kamu bilangan bulan Syaaban tiga puluh hari.”